

22 AUG 1997

MELAKA CADANG DUA TAPAK BAGI JAMBATAN MALAYSIA-INDONESIA

MELAKA, 2 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka mencadangkan dua kawasan, Kuala Linggi di Alor Gajah dan dan Sungai Rambai di Merlimau, sebagai tapak bagi pembinaan jambatan menghubungkan Malaysia dan Indonesia.

Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin berkata laporan kajian oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) mengenai kesesuaian dua tapak itu akan dikemukakan kepada kerajaan pusat bulan depan.

Kerajaan negeri yakin sebuah daripada kawasan itu akan dipilih kerana kedudukannya yang lebih sesuai berbanding kawasan lain termasuk di negeri lain, katanya ketika ditemui pada jamuan petang anjuran Persatuan Bekas Murid Sekolah Menengah Tun Perak di sini.

Laporan akhbar hari ini menyebut Presiden Suharto telah bersetuju dengan projek itu selepas melihat model jambatan berkenaan bersama dengan Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin di Jakarta Rabu lepas.

Mengikut laporan itu, jambatan sepanjang 95 km yang dianggar menelan belanja RM6,000 juta akan menghubungkan Pulau Sumatera, Pulau Rupa dan Melaka.

Abu Zahar berkata kerajaan negeri tidak dimaklumkan mengenai kajian yang dijalankan oleh syarikat yang mengemukakan cadangan projek berkenaan kepada kerajaan pusat dan pemerintah Indonesia itu.

Pengurusan Lintas Berhad, anak syarikat Kumpulan Renong dilaporkan terbabit dalam kajian projek itu dan perbincangan antara syarikat Malaysia itu dan syarikat Indonesia, PT Malindo Transmaju sedang dijalankan bagi penubuhan konsortium mengendalikan projek itu.

Pembinaan jambatan yang dianggap terpanjang di dunia itu dijangka mengambil masa lima tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata jambatan itu bukan sahaja akan menyediakan kemudahan laluan kenderaan tetapi juga laluan keretapi, kabel elektrik dan saluran gas. -- BERNAMA

MOZ NMO